

11/08/2003

Semua kaum mesti sanggup berkorban, berkongsi: Dr M

Kadir Dikoh; Teh Kean Kiat

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam merayu semua kaum di negara ini supaya sanggup berkorban, tidak tamak dan harus memikirkan kepentingan negara, bukan untuk mengaut segala-galanya bagi kaum mereka saja.

Perdana Menteri berkata, jika Melayu mengambil 100 peratus kek ekonomi negara untuk diri mereka, bukan saja kek itu tidak dapat berkembang, malah akan tercetus rusuhan kaum dan keamanan negara terganggu.

"Kita mesti sanggup berkongsi dengan mengambil sedikit untuk diri (kaum) kita dan akhirnya kita akan dapat lebih. S sanggup berkorban bagi membolehkan orang lain mempunyai peluang juga.

"Kita tahu, kita tidak akan dapat seratus peratus, baik Cina, Melayu, India, Iban, Kadazan atau Bajau. Mereka tidak boleh tuntutan seratus peratus. Itu sebab kita memberitahu orang Melayu ambil sedikit bahagian kek daripada mengambil keseluruhan kek yang akhirnya mengecil.

"Saya tahu ada di kalangan masyarakat Cina tidak puas hati mengapa kita bagi kuota dan sebagainya (kepada orang Melayu). Kita perlu berkorban sedikit untuk dapat yang lebih banyak. Ini adalah negara pelbagai kaum dan inilah cara kita, bukan cara saya," katanya berucap merasmikan Perhimpunan Agung MCA di sini.

Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan berkata, mana-mana kaum di negara ini tidak boleh menyingkirkan kaum yang lain dan sebaliknya harus bekerjasama demi kepentingan, kesejahteraan dan keamanan negara.

Katanya, baik buruk negara ini terletak di tangan rakyat sendiri dan sebarang pertikaian antara kaum boleh memburukkan keadaan.

Beliau berkata, di beberapa negara lain yang dihuni rakyat pelbagai kaum, keamanan tidak wujud dan ini menghalang kemajuan iaitu keadaan yang jauh berbeza berbanding Malaysia.

Oleh itu katanya, penubuhan Perikatan yang kemudiannya dikenali sebagai Barisan Nasional (BN) adalah wadah penting bagi merapatkan hubungan antara kaum di negara ini.

Dr Mahathir berkata, wadah itu kini cuba ditiru oleh gabungan parti pembangkang di negara ini tetapi mereka gagal.

Beliau menyamakan pakatan pembangkang sebagai seorang lelaki yang berpakaian kemas dan cantik di hadapan saja tetapi di belakangnya kosong.

"Depan mereka berpakat tetapi di belakang (Pas akan usaha) macam mana nak kalah DAP, (DAP juga akan usaha) macam mana nak kalah Pas dan sebagainya.

"Sebaliknya, parti komponen BN sanggup berkorban sebahagian daripada tuntutan kerana berpegang kepada konsep bahawa `sebahagian daripada habuan itu lebih baik daripada tidak ada langsung'," katanya.

Bercakap kepada pemberita kemudian, Perdana Menteri menyifatkan Parti Keadilan Rakyat (Keadilan) iaitu gabungan Parti Keadilan Nasional (Keadilan) dan Parti Rakyat Malaysia (PRM) sebagai sesuatu yang tidak bermakna.

Sementara itu, Dr Mahathir yang akan berkunjung ke Swaziland berkata, beliau akan terus menyumbang apa saja kepada kerjasama Selatan-Selatan dan kunjungannya itu adalah yang terakhir selaku Perdana Menteri.